JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 54/2020

## RUJUKAN: 2 – 3 JUN 2020

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah membantu memberi ruang kepada pihak Kerajaan melaksanakan pelbagai aktiviti dan tindakan Kesihatan Awam untuk membendung penularan COVID-19. Keberhasilan usaha ini juga mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap kepekaan setiap lapisan masyarakat kepada kepatuhan saranan dan garis panduan kerajaan termasuk amalan norma kehidupan harian yang baharu.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 3 Jun 2020 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 6,531** atau 81.9 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,324 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **93 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **7,970 kes.** Semua kes baharu melibatkan **penularan tempatan** dengan sebanyak **91 kes dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan bukan warganegara Malaysia**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 51.7 peratus**, Zon Selatan (22.7 peratus), Wilayah Malaysia Timur (11.5 peratus), Zon Pantai Timur (7.9 peratus) dan Zon Utara (6.2 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** adalah menerusi catatan **di W.P Kuala Lumpur** dengan **merekodkan 55 kes** disusuli Negeri Sembilan (36 kes) dan Selangor (2 kes). Sejumlah **115 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **tiada kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Statistik pecahan **kumulatif kes aktif mengikut daerah** menunjukkan **5 daerah** dikategorikan sebagai zon merah (41 kes ke atas). Sehingga 1 Jun 2020, **kawasan** yang masih merekodkan **catatan kes aktif yang tinggi** iaitu melepasi 100 kes adalah **Bukit Jalil** dengan **283 kes, Ibu Kota (165 kes)** dan **Hulu Langat (116 kes).** Sementara itu, **sejumlah 133 daerah dan kawasan** berada dalam kelompok **zon hijau** atau **tanpa kes aktif**.

Jumlah jangkitan COVID-19 di peringkat global telah meningkat kepada **6,340,811 kes** dengan melibatkan **378,359 kematian. Amerika Syarikat (AS) mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **1,830,066 kes** disusuli oleh Brazil dengan 526,447 kes dan Rusia (423,186 kes). Secara umumnya, sebanyak 13 negara telah merekodkan kes positif melebihi 100 ribu kes. Di peringkat ASEAN, **Singapura merekodkan 35,836 kes** jangkitan mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (27,549 kes) dan Filipina (18,997 kes). Sementara itu, **28.0 peratus** daripada keseluruhan kes kematian dunia akibat jangkitan wabak ini didominasi oleh **Amerika Syarikat** diikuti United Kingdom yang menyumbang 10.4 peratus dan Itali

(8.9 peratus). Jumlah kes sembuh yang direkodkan adalah 2,712,792 kes dengan peratusan sebanyak 42.78 peratus seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

**GLOBAL**: Rantau Asia diminta untuk mengkoordinasikan polisi untuk mengelakkan kemerosotan global. Koordinasi antara negara-negara Asia adalah kunci untuk mendorong ekonomi global menuju pemulihan dari krisis COVID-19, menurut mantan pegawai kanan kerajaan dan akademik di rantau ini. Pemimpin Asia harus mengadakan sidang kemuncak untuk mengatur dasar kewangan, perdagangan, kesihatan awam dan keselamatan makanan, menurut rancangan strategik yang dikeluarkan oleh Universiti Nasional Australia. Kumpulan di sebalik inisiatif itu termasuk penasihat kerajaan China, Jepun, Indonesia, India, Singapura dan lain-lain. (Bloomberg)

**AS**: KDNK kini diunjurkan turun hampir -53 peratus pada suku kedua. Aktiviti ekonomi pada suku kedua turun lebih dari separuh, menurut indikator tinjauan yang digunakan oleh Atlanta Federal Reserve. Indikator dari pengukuran GDPNow kini menunjukkan kejatuhan -52.8 peratus, berikutan data pembuatan AS terus merosot dan memberi isyarat penurunan pelaburan dan penggunaan. Data dari Institute fo Supply Management menunjukkan hanya 43.1 peratus syarikat melihat pengembangan pada bulan Mei. Atlanta Fed menjangkakan perbelanjaan penggunaan peribadi, yang merangkumi 68 peratus daripada KDNK, jatuh 58.1 peratus pada tempoh April hingga Jun. (Reuters)

**AS**: AS memulakan siasatan tarif dan cukai digital India dan Sepanyol. Menurut sumber dalaman, kerajaan Trump akan memulakan siasatan terhadap cukai perkhidmatan digital India dan Sepanyol yang boleh menyebabkan tarif dikenakan ke atas eksport dari negara-negara tersebut ke AS. Siasatan itu akan menentukan sama ada India dan Sepanyol mendeskriminasi syarikat teknologi AS seperti Apple Inc, Google Alphabet Inc. dan Amazon.com Inc. melalui cukai perkhidmatan digital. Siasatan di bawah seksyen 301 ini akan diketuai oleh US Trade Representative dan boleh mengambil masa berbulan-bulan sebelum keputusan dibuat mengenai sama ada tarif perlu dikenakan. (Bloomberg)

**AS:** Aktiviti pembuatan capai tahap terendah sepanjang 11 tahun. Aktiviti pembuatan AS bagi Mei 2020 masih mencatatkan penyusutan setelah merekodkan indeks yang ditahap terendah sepanjang 11 tahun pada April 2020. Ini menunjukkan tanda kemerosotan ekonomi terburuk meskipun aktiviti ekonomi dibuka semula. Institute for Supply Management (ISM) melaporkan indeks aktiviti kilang kepada 43.1 pada bulan lalu daripada 41.5 pada bulan April, yang merupakan tahap terendah sejak April 2009. Prestasi ini adalah lebih tinggi berbanding tinjauan Reuters yang meramalkan indeks tersebut

meningkat kepada 43.0 pada bulan Mei 2020. Walau bagaimanapun, bacaan indeks di bawah 50 menunjukkan penguncupan dalam pembuatan, yang yang menyumbang 11 peratus kepada ekonomi AS. Sungguhpun menyusut, kenaikan dalam indeks ISM pada Mei berbanding bulan April adalah yang pertama sejak Januari 2020. (Reuters)

**AS**: Pasaran pekerjaan menunjukkan tanda-tanda awal pemulihan. Pasaran buruh AS menunjukkan tanda-tanda awal pemulihan apabila bilangan tuntutan faedah pengangguran menurun. Trend penurunan ini ketara di negeri-negeri yang dibuka kembali lebih awal daripada yang lain. Ini menunjukkan bahawa berlaku pengambilan pekerja oleh sektor perniagaan. Tuntutan faedah pengangguran pada awal krisis melebihi 2 juta seminggu. Penganalisis ekonomi menjangkakan bahawa kemuncak pengangguran adalah pada Jun di mana bilangan pengangguran dijangkakan pada kadar 25 peratus. Walau bagaimanapun, penganalisis ekonomi kini berpendapat bahawa puncak pengangguran adalah mungkin berlaku bulan Mei, ketika kadar pengangguran mencapai sekitar 22 peratus. (Bloomberg)

**UK**: Harga rumah di seluruh negara mengalami kejatuhan paling banyak sejak 2009. Perangkaan yang diterbitkan oleh Nationwide Building Society menunjukkan harga rumah di UK menurun pada kadar terpantas sejak 2009. Harga rumah turun -1.7 peratus (*MoM)* pada bulan Mei, berbanding kenaikan 0.9 peratus pada bulan April 2020. Ini adalah kejatuhan terbesar sejak Februari 2009. Kejatuhan ini adalah lebih pantas berbanding ramalan penganalisis ekonomi pada kadar -1 peratus. Pada asas perbandingan tahun-ke-tahun (*YoY*), harga rumah meningkat 1.8 peratus pada bulan Mei, jauh lebih perlahan daripada kenaikan 3.7 peratus pada bulan April dan ramalan 2.8 peratus. Kegiatan pasaran perumahan perlahan dengan mendadak kesan dari dari langkah-langkah yang dilaksanakan untuk mengekang penularan wabak COVID-19. (RTT)

**CHINA**: Jualan kenderaan dijangka meningkat 12 peratus pada bulan Mei 2020. Jualan kenderaan China bagi Mei 2020 dijangka meningkat 11.7 peratus (*YoY)* kepada menjadi 2.14 juta unit. China Association of Automobile (CAAM) menyatakan bahawa jangkaan tersebut adalah berdasarkan data penjualan yang dikumpulkan persatuan tersebut dari syarikat utama industri negara. Bagi tempoh Januari hingga Mei di China, pasaran automotif terbesar di dunia diramal turun -23.1 peratus (*YoY)* kepada 7.9 juta unit. (Reuters)

**AUSTRALIA**: Kadar faedah tidak berubah. Bank pusat Australia mengekalkan kadar faedah dan sasaran hasil pulangan bon kerajaan bertempoh matang 3 tahun seperti yang dijangkakan. Mesyuarat dasar monetari memutuskan untuk mengekalkan kadar faedah pada tahap rendah, 0.25 peratus dan pulangan yang disasarkan ke atas bon kerajaan bertempoh matang 3 tahun kepada sekitar 0.25 peratus. Pendekatan akomodatif ini akan dikekalkan selagi diperlukan dan bank pusat tidak akan meningkatkan sasaran kadar tunai

sehingga guna tenaga penuh dicapai dan inflasi berada pada jajaran 2 hingga 3 peratus. (RTT)

**EU**: Aktiviti pembuatan di zon Eropah dibuka semula. Sektor pembuatan di kawasan Euro sedang dalam fasa pemulihan setelah kebanyakan kerajaan di zon tersebut membuka semula sekatan pergerakan. Ini memberikan harapan bahawa ekonomi dapat kembali berkembang dalam tempoh beberapa bulan akan datang. Penutupan aktiviti pembuatan di seluruh Eropah mula dilonggarkan setelah penularan pandemik COVID-19 pada bulan Mei menurun dengan ketara. Berdasarkan tinjauan IHS Markit, Jerman bakal mencatatkan prestasi yang terburuk. (Bloomberg)

**CHINA**: China menghentikan sebahagian import komoditi pertanian AS yang mengancam perjanjian perdagangan dua hala antara China dan AS. Kerajaan China mengarahkan syarikat pertanian utama kerajaan tersebut untuk menghentikan sementara pembelian beberapa produk pertanian AS termasuk kacang soya akibat peningkatan ketegangan China dan AS di Hong Kong. Syarikat perdagangan milikan negara, Cofco dan Sinograin diperintahkan untuk menangguhkan pembelian. Selain itu, sumber turut menyatakan bahawa pengimport China juga telah membatalkan pesanan daging khinzir AS. Pemberhentian ini merupakan tanda terbaharu bahawa perjanjian perdagangan fasa pertama di antara kedua-dua ekonomi terbesar di dunia itu sedang dalam bahaya. (Bloomberg)

**Jepun**: Penjualan kenderaan merosot 40 peratus pada bulan Mei 2020. Penjualan kenderaan bermotor di Jepun merosot bulan lalu, yang merupakan prestasi terburuk sejak bencana gempa dan tsunami 2011. Japan Automobile Delers Association melaporkan, penjualan kereta, trak dan bas merosot -40.2 peratus pada bulan Mei 2020. Trend penjualan ini telah menunjukkan penurunan bermula Oktober, iaitu ketika kadar cukai penjualan kenderaan dinaikkan 2 peratus menjadi 10 peratus. (Bloomberg)

**Hong Kong**: Jualan runcit April 2020 jatuh -36 peratus. Jualan runcit Hong Kong merosot -36 peratus pada bulan April dari tahun sebelumnya, yang merupakan kejatuhan untuk bulan ke-15 berturut-turut. Kejatuhan mendadak ini disebabkan oleh wabak COVID-19 yang memberi impak besar kepada aktiviti peruncitan. Selain itu, pergolakan antikerajaan selama berbulan-bulan juga turut membebani aktiviti runcit di Hong Kong. Jualan turun kepada HKD24.1 bilion (AS$3.11 bilon). Dari segi jumlah, penjualan runcit pada bulan April turun -37.5 peratus, berbanding penurunan -44 peratus pada bulan Mac dan penurunan -46.7 peratus pada bulan Februari. Kerajaan menyatakan penurunan pada bulan April 2020 adalah lebih rendah daripada pada bulan Mac tetapi tetap signifikan yang disebabkan oleh wabak COVID-19. (Reuters)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Purata harga jualan industri (ASP)** bagi sektor **sarung tangan** terus **melonjak dari bulan ke bulan** dalam jangkaan penawaran yang lebih ketat dan purata permintaan yang luar biasa disebabkan oleh pandemik COVID-19. Pembeli sanggup membuat pembayaran deposit antara 30 peratus dan 50 peratus bagi menjamin bekalan sarung tangan dan penghantaran tepat pada masa.

2. Perodua mencatatkan jualan sebanyak **7,886 kereta pada Mei 2020** walaupun menghadapi situasi pendamik COVID-19, menghampiri angka jualan Mac sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu sebanyak **8,601 kereta**.

3. Susulan pandemik COVID-19 yang melanda dunia, **permintaan dunia terhadap gas asli cecair turun** ke paras terendah dan menyebabkan **stok simpanan tinggi** dan harga LNG dijangka akan mencecah di bawah sifar.

4. **Penilaian saham Asia** mencecah angka tertinggi dalam **10 tahun pada akhir bulan Mei** di mana perniagaan mula beroperasi semula di rantau tersebut selepas ditutup untuk menghentikan penularan COVID-19 dan tindakan rangsangan oleh bank pusat.

5. **Projek mega infrastruktur** dijangka akan **ditunda** sehingga tahun 2021 disebabkan kekangan kewangan kerajaan akibat daripada impak pandemik COVID-19.

6. Permintaan pasaran **muatan udara antarabangsa jatuh 27.7 peratus** pada bulan April berbanding tahun 2019. Kapasiti antarabangsa **menyusut 42 peratus** pada bulan April manakala **kargo udara antarabangsa merosot sebanyak 75 peratus** pada bulan yang sama berbanding tahun sebelumnya.

7. Universiti Multimedia (MMU) mempertimbangkan langkah untuk mengurangkan **dua yuran pengajian semester**, iaitu **yuran aktiviti** dan **yuran sumber pelajarnya**. Inisiatif itu diambil memandangkan pelajar kurang menjalani aktiviti di kampus dalam tempoh beberapa bulan disebabkan penularan virus COVID-19.

8. **Permohonan pinjaman** untuk pembelian kenderaan penumpang, hartanah kediaman, pinjaman peribadi dan kad kredit **merosot** dengan ketara.  Secara kumulatif, permohonan pinjaman selama empat bulan **menguncup sebanyak 11.4 peratus** tahun ke tahun. Namun, ketika

perniagaan kini dalam fasa pemulihan, pertumbuhan **pinjaman perniagaan telah berkembang** pada kadar positif 3.5 peratus.

9. **Mercedes-Benz Malaysia Sdn Bhd** optimis untuk mencapai **"jumlah penjualan yang baik"** bagi separuh kedua tahun ini kerana pengeluar kereta mewah itu menjangkakan sentimen positif akan kembali pada suku ketiga susulan pembukaan semula ekonomi Malaysia secara berperingkat bermula 4 Mei 2020.

10. **Industri berkaitan teknologi maklumat (IT), perkilangan, perbankan, runcit dan penjagaan kesihatan** masih menawarkan peluang pekerjaan baharu sepanjang penularan wabak COVID-19 berlaku. Kebanyakan syarikat mula terarah kepada **pendigitalan dan menggunakan kaedah baharu dalam menjalankan perniagaan**. Program '#WorkNow' juga diperkenalkan bagi membantu pencari kerja untuk mencari kerja sebagai salah satu inisiatif untuk membantu rakyat untuk kembali ke pasaran kerja dengan pantas.

11. **Lebih 90 peratus daripada kira-kira 9,000 pemain industri pelancongan** yang bernaung di bawah Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) terpaksa beralih arah kepada bidang baharu selepas terkesan dengan COVID-19.

12. **Kenanga Research menyatakan sektor pembinaan akan menjadi penyumbang utama pemulihan ekonomi Malaysia** daripada wabak COVID-19. Sektor ini akan menjadi penggerak utama kerajaan untuk memulakan fasa pemulihan memandangkan kemampuan untuk memberikan kesan pengganda yang tinggi.

13. *Malaysian National Federation of Youth Workers* (FKPB) menyatakan **majikan memerlukan tenaga kerja mahir bagi memenuhi permintaan industri selepas pandemik COVID-19 mengubah landskap dunia pekerjaan**. Pandemik telah mempercepatkan pelaksanaan Revolusi Industri 4.0. Justeru, kerajaan perlu meningkatkan kecekapan pasaran buruh dan mengubah pendidikan sedia ada untuk membantu belia memenuhi keperluan baru industri semasa dan selepas COVID-19.

14. SPAN memaklumkan bil air bagi bulan Mei 2020 adalah **lebih tinggi daripada biasa kerana merangkumi penyelarasan bil bagi bulan Mac dan April 2020**. Pengguna domestik menggunakan air lebih banyak daripada biasa semasa tempoh PKP yang berpunca daripada aktiviti rutin yang tertumpu di kediaman masing-masing akan menyebabkan peningkatan bil air.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The EDGE** | **Proton May sales volume drops year-on-year to 5,676 units amid Covid-19-driven MCO**<br><br>Proton Holdings Bhd sold 5,676 vehicles in May 2020, down 46.5% from 10,611 units a year earlier as Malaysia's national car manufacturer contended with challenging market conditions arising from the Covid-19 pandemic-driven Movement Control Order (MCO) and Conditional MCO (CMCO) in Malaysia.<br><br>Year-to-date (YTD) Proton's volume reduced by 23.3% for the first five months of the year while total industry volume is estimated to have shrunk by 48.7% over the same time period. | https://www.theedgemarkets.com/article/proton-may-sales-volume-drops-yearonyear-5676-units-amid-covid19driven-mco |
| 2. | **The EDGE** | **Post-Covid-19, glove demand to grow 12% a year — Top Glove**<br><br>The demand for medical gloves is estimated to grow by 12% per year in the post-Covid-19 environment, says Top Glove Corp Bhd, stressing, however, that the spike in demand arising from the pandemic is temporary.<br><br>The demand for gloves as an essential item in the health care sector was expected to grow by at least 10% each year, even | https://www.theedgemarkets.com/article/postcovid19-glove-demand-grow-12-year-%E2%80%94-top-glove |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | before the onset of the pandemic. With increased awareness of the importance of gloves arising from the pandemic, people who started using gloves in recent months are expected to continue using them even after the pandemic recedes, further driving demand, which is estimated to grow by 12% per year in the post-Covid-19 environment. | |
| 3. | **The EDGE** | **Prasarana targets 1.4 mil passengers a day using rail**<br><br>Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) is targeting 1.4 million passengers a day using rail transportation in the Klang Valley over the next five years, said its chairman Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman.<br><br>He said the target was based on a projected increase of 10% annually from 700,000 daily commuters for all Light Rail Transit (LRT), Mass Rail Transit (MRT) and monorail, prior to the implementation of the Movement Control Order (MCO) on March 18.<br><br>Post-Covid-19, after workers start coming out in full force to work, the number of passengers will increase and return to normal. | https://www.theedgemarkets.com/article/prasarana-targets-14-mil-passengers-day-using-rail |
| 4. | **New Straits Time** | **Socso: Job losses increase by 42pct in Q1**<br><br>Due to the Covid-19 pandemic, job losses in the country has | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/597702/socso-job-losses-increase-42pct-q1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | increased by 42 per cent year-on-year for this first quarter (Q1 2020), according to the Social Security Organisation's (Socso) Employment Insurance System (EIS).<br><br>In a report titled Employment Outlook, the 1st Quarter of 2020, Volume 4/2020, The Impact of COVID-19 on Loss of Employment (LOE), EIS said the pandemic has impacted many businesses, to experience a drop in demand at 37 per cent or being unable to operate as usual at 42 per cent.<br><br>This trend is only expected to accelerate from April 2020 onwards, with job losses increasing by 50 per cent to 200 per cent year-on-year for each subsequent quarter in 2020<br><br>In addition, the unemployment rate is forecast to hit four per cent in 2020 compared to 3.2 per cent during the 1997 Asian financial crisis and 3.7 per cent during the Great Recession in 2018. | |
| 5. | **New Straits Time** | **Hotel closures, headcount reduction, paycuts for Swiss Garden International**<br><br>More hotel closures seem to be the order of the day due to the Covid-19 pandemic and the latest casualties are three Swiss Garden International (SGI) hotels across the country. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/597660/hotel-closures-headcount-reduction-paycuts-swiss-garden-international |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Swiss Garden Damai Laut in Lumut, Perak, Swiss-Inn Chinatown Kuala Lumpur and Swiss-Inn Sungai Petani in Kedah have been singled out as three SGI properties which will be closed, as part of cost rationalisation moves across the group. | |
| 6. | **New Straits Time** | **Sabah allows entry of Peninsula, Sarawak, Labuan visitors**<br><br>The Sabah government will now allow the entry of all Malaysians from the Peninsula, Labuan and Sarawak to the state.<br><br>In a statement today, Chief Minister Datuk Seri Mohd Shafie Apdal said land, sea and air travel into Sabah is also permitted for civil servants and private sector employees.<br><br>"The state government has also agreed to exempt them from undergoing quarantine on the condition that they have undergone Covid-19 screening three days before entering Sabah and tested negative for the infection. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/597305/sabah-allows-entry-peninsula-sarawak-labuan-visitors |

Penemuan penting & isu:

1. Jumlah jualan Proton berkurang sebanyak 23.3% untuk lima bulan pertama tahun ini sementara jumlah keseluruhan industri dianggarkan menyusut sebanyak 48.7% dalam jangka masa yang sama.
2. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Perkeso, kehilangan pekerjaan di negara ini telah meningkat sebanyak 42 peratus tahun ke tahun untuk suku pertama ini (Q1 2020) akibat daripada Penularan wabak Covid-19.
3. Tiga perniagaan hotel Swiss Garden terpaksa ditutup sebagai langkah rasionalisasi kos dalam mengharungi akibat penularan wabak Covid-19.

| |
|---|
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Akibat daripada arahan PKP yang berpanjangan, jualan kenderaan telah merosot dan secara tidak langsung akan memberi kesan kepada subsektor Perkhidmatan kenderaan bermotor. Pada ST1 2020, pertumbuhan nilai ditambah subsektor tersebut merosot kepada negatif 2.9 peratus berbanding dengan 4.3 peratus pada tahun sebelumnya.<br>2. Penutupan perniagaan semasa PKP menyebabkan banyak syarikat tidak dapat menampung kos perbelanjaan termasuk gaji pekerja dan menyebabkan syarikat terpaksa membuang pekerja. Ini akan memberi kesan kepada penyusunan statistik pampasan pekerja dalam KDNK kaedah pendapatan. Pada tahun 2018, pampasan pekerja telah menyumbang sebanyak 35.7 peratus kepada KDNK.<br>3. Sekatan perjalanan dan penutupan sempadan bagi membendung penularan Covid-19 telah menyebabkan sektor pelancongan terjejas teruk terutamanya sektor perhotelan. Pada tahun 2018, sektor ini menyumbang sebanyak 24.7 peratus kepada perbelanjaan pelancongan inbound dan 9.5 peratus kepada perbelanjaan pelancongan domestik. |

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Berita Harian** | **Luxchem, Sanichi, HLT proksi industri sarung tangan getah**<br><br>Industri sarung tangan getah berkembang pesat, dicerminkan oleh peningkatan harga saham bagi semua pengeluar produk itu.<br><br>Malaysia adalah pengeluar sarung tangan perubatan getah terbesar yang membekalkan hampir 65 peratus permintaan global.<br><br>Permintaan kukuh terhadap sarung tangan itu menyaksikan harga saham Luxchem Corporation Bhd, pembekal bahan kimia perindustrian dan material secara umum meningkat daripada 36 sen | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/06/695607/luxchem-sanichi-hlt-proksi-industri-sarung-tangan-getah |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pada 18 Mac 2020 kepada 99 sen pada 1 Jun 2020 iaitu peningkatan sebanyak 175 peratus. | |
| 2. | **Malaysia Kini** | **Perodua catat jualan 7,886 kereta pada Mei**<br><br>Perodua mencatat jualan sebanyak 7,886 kereta pada Mei 2020 walaupun menghadapi krisis COVID-19, menjadikan jumlah jualan setakat tahun ini kepada 52,920 unit.<br><br>Berdasarkan jumlah tersebut, pengeluar kereta itu telah menguasai 41 peratus bahagian pasaran daripada anggaran jumlah jualan industri setakat tahun ini sebanyak 129,401 unit. Pada bulan itu, Perodua menjual 2,612 Myvi, 2,028 Axia, 1,820 Bezza, 950 Aruz dan 476 Alza. | https://m.malaysiakini.com/news/528397 |
| 3. | **Malay Mail** | **SOP for reopening markets to go through NSC this Saturday, says FT minister**<br><br>The standard operating procedures (SOP) on the reopening of markets nationwide will present to the National Security Council (NSC) this Saturday. The SOP will apply to those who haven't been able to operate during the Covid-19 pandemic and will include daily markets, wet markets and open markets. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/06/03/sop-for-reopening-markets-to-go-through-nsc-this-saturday-ft-minister-says/1872062 |

| | B. Subsektor Penginapan | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **Berita Harian** | **Bahana COVID-19, permintaan homestay terjejas teruk**<br><br>Kesulitan yang dialami homestay atau inap desa disedari sejak Mac lalu apabila tempahan berkurangan, manakala pembatalan meningkat pada saat akhir susulan pelaksanaan PKP.<br><br>April lalu, majoriti 80 peratus pengusaha homestay tidak mendapat tempahan atau sekadar 25 peratus sahaja berbanding sebelum ini yang menerima pelanggan setiap minggu. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/695568/bahana-covid-19-permintaan-homestay-terjejas-teruk |

Penemuan penting & isu:

1. Industri sarung tangan getah telah berkembang pesat. Banyak pengeluar sarung tangan getah dari Thailand, Indonesia dan Malaysia meningkatkan kapasiti pengeluaran mereka untuk melawan COVID-19 dan ia mendorong kepada peningkatan dalam permintaan terhadap acuan sarung tangan.
2. Perodua mencatatkan jualan sebanyak 7,886 kereta pada Mei 2020 walaupun menghadapi situasi pendamik COVID-19, iaitu menghampiri angka jualan Mac sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) iaitu sebanyak 8,601 kereta.
3. SOP bagi pembukaan pasar basah, pasar awam dan pasar mingguan akan dibentangkan oleh Menteri Wilayah pada Sabtu ini. Semua jenis pasar ini tidak dibenarkan untuk beroperasi bagi mengelakkan penyebaran wabak COVID-19.
4. Majoriti 80 peratus pengusaha homestay atau inap desa tidak mendapat tempahan atau sekadar 25 peratus saja berbanding sebelum ini yang menerima pelanggan setiap minggu.

Maklumbalas Bahagian:

1. Hasil jualan kereta oleh Perodua setelah 3 minggu beroperasi selepas PKP dilaksanakan oleh Kerajaan boleh memberi gambaran pemulihan corak pembelian kereta tempatan oleh pengguna dan akan memberi kesan dalam penyusunan maklumat bagi subsektor jualan kenderaan bermotor.

2. Peningkatan dalam harga pasaran getah mampu menaikkan industri berkenaan terutamanya dalam penghasilan sarung tangan getah. Ini secara tidak langsung akan mengakibatkan kesan kepada sektor perdagangan borong & runcit.
3. Kerugian yang dialami pengusaha homestay akan memberikan kesan negatif terhadap prestasi industri ini.

| C. | Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>**3 Jun 2020** | **Harga gas asli mungkin jatuh di bawah paras sifar**<br><br>Harga negatif masih menyelubungi pasaran tenaga lebih sebulan selepas harga minyak jatuh di bawah paras sifar.<br><br>Walaupun minyak mentah mencatatkan pemulihan selepas perjanjian oleh pengeluar utama untuk membendung lambakan bekalan, pasaran gas global yang bernilai AS$600 bilion (RM2.5 trilion) kekal terlebih pengeluaran. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/06/695849/harga-gas-asli-mungkin-jatuh-di-bawah-paras-sifar |
| 2. | **Berita Harian**<br>**3 Jun 2020** | **Permintaan sarung tangan getah akan terus meningkat**<br><br>Permintaan untuk sarung tangan getah akan terus meningkat untuk sekurang-kurangnya setahun lagi, di sebalik kebimbangan berterusan ke atas pandemik COVID-19 serta pembukaan lebih banyak perniagaan. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/06/695843/permintaan-sarung-tangan-getah-akan-terus-meningkat |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Bernama**<br>**3 Jun 2020** | **IATA: Air cargo capacity crunch in April**<br><br>The demand for global air freight has dropped by 27.7 per cent in April compared to the same period in 2019, the sharpest fall ever recorded, revealed the International Air Transport Association (IATA).<br><br>The trade association for the world's airlines said there was insufficient capacity, down 42 per cent in April, to meet demand as a result of the loss of belly cargo operations on passenger aircraft. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1847420 |
| 4. | **The Edge Markets**<br>**3 Jun 2020** | **Furniture stocks in sweet spot as valuations turn attractive**<br><br>According to Khoo Yeow Chong, president of the Malaysian Furniture Council (MFC), furniture makers are expecting a V-shaped recovery in demand for their products.<br><br>Between 58% and 62% of Malaysian-made furniture are sold internationally, with the US being the largest international market, comprising 42% of Malaysia's furniture export demands. MFC data shows sales to the US totalled RM4.68 billion last year.<br><br>Other major export markets for Malaysian-made furniture are Japan, which comprises 7.3% of exports, followed by Singapore (7%), Australia | https://www.theedgemarkets.com/article/furniture-stocks-sweet-spot-valuations-turn-attractive |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | (5.3%), the UK (4.9%), India (3.4%), Canada (2.9%), the Philippines (2.6%), China (2.4%) and Saudi Arabia (1.8%). | |

Penemuan penting & isu:

1. Susulan pandemik Covid-19 yang melanda dunia, permintaan dunia terhadap gas asli cecair turun ke paras terendah dan menyebabkan stok simpanan tinggi dan harga LNG dijangka akan mencecah di bawah sifar.
2. Purata harga jualan industri (ASP) bagi sektor sarung tangan terus melonjak dari bulan ke bulan dalam jangkaan penawaran yang lebih ketat dan purata permintaan yang luar biasa disebabkan oleh pandemik Covid-19. Pembeli sanggup membuat pembayaran deposit antara 30 peratus dan 50 peratus bagi menjamin bekalan sarung tangan dan penghantaran tepat pada masa.
3. Aktiviti penerbangan kargo jatuh pada paras terendah pada bulan April 2020 susulan langkah perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mngehadkan aktiviti perdagangan.
4. Industri perabot Malaysia berada di kedudukan ke-11 pengeksport terbesar di dunia, di belakang negara-negara seperti China, Jerman, Vietnam, Poland, AS dan Itali. Pada ST1 2020, eksport ke Jepun, Singapura, Australia dan UK menurun dari tahun ke tahun. Walau bagaimanapun, eksport ke AS, India dan Arab Saudi meningkat sebanyak RM628.7 juta tahun ke tahun. Majlis Perabot Malaysia (MFC) optimis mengenai masa depan industri perabot kerana semasa tempoh PKP, ramai orang meningkatkan perabot rumah mereka dan kerusi pejabat telah menyaksikan peningkatan penjualan, kerana budaya kerja baru dari rumah

Maklumbalas Bahagian:

1. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2020 berasaskan tahun ke tahun**, eksport gas asli cecair, LNG** jatuh RM1.5 bilion (-12.1%) kepada RM10.7 bilion berbanding RM12.2 bilion pada tahun 2019.
2. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2020 berasaskan tahun ke tahun, **eksport sarung tangan getah** naik RM711.3 juta (+17.0%) kepada RM4.9 bilion berbanding RM4.2 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2019.
3. Bagi tempoh Januari hingga Mac 2020 berasaskan tahun ke tahun, **eksport perabot kayu dan rotan** naik RM374.0 juta (+18.9%) kepada RM2.4 bilion berbanding RM2.0 bilion bagi tempoh yang sama tahun lalu.
4. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

| D. | Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Memperkasa pendidikan sektor binaan pasca COVID-19**<br><br>PASCA COVID-19, membuka pelbagai isu berkenaan pekerja asing, terutama berkaitan pemantauan pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini. Terdapat juga isu kemasukan pekerja asing yang sukar berasimilasi dengan masyarakat tempatan apatah lagi berkomunikasi dengan baik dengan rakyat tempatan khususnya dalam bahasa Melayu. | https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/06/695398/memperkasa-pendidikan-sektor-binaan-pasca-covid-19 |
| 2. | **Bernama** | **Kenanga kekalkan saranan 'beli lebih' ke atas pembinaan**<br><br>Kenanga Research telah mengekalkan kedudukan 'beli lebih' ke atas sektor pembinaan, kerana ia yakin kerajaan secara berperingkat akan menumpukan usaha terhadap langkah-langkah pemulihan ekonomi untuk jangka masa pertengahan hingga panjang. | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1847095 |
| 3. | **The Edge Markets** | **Ho Hup to allocate substantial part of ECRL contracts to local vendors**<br><br>Ho Hup Construction Company Bhd, which was awarded RM102.5 million worth of jobs for the East Coast Rail Link (ECRL) project recently, aims to allocate a substantial portion of the contract value to local vendors. | https://www.theedgemarkets.com/article/ho-hup-allocate-substantial-part-ecrl-contracts-local-vendors |

| |
|---|
| Penemuan penting & isu:<br>1. Pekerja asing, termasuk pekerja buruh binaan ini diberikan kursus pendek untuk mendedahkan undang-undang, budaya masyarakat Malaysia, penjagaan kebersihan dan bahasa Melayu yang asas supaya mereka dapat berintegrasi melaksanakan tugas serta boleh berkomunikasi secara asas dengan rakyat tempatan. Antara yang boleh diperbaiki adalah menaik taraf infrastruktur penginapan dan pelaksanaan kesedaran kebersihan dan kesihatan dalam kalangan pekerja asing di negara ini. Pengurusan cekap daripada pihak majikan diperlukan untuk memantau kebajikan, visa dan perihal imigrasi pekerja asing, terutama di sektor pembinaan.<br>2. Pemilihan Kenanga adalah berdasarkan ia tidak akan terlepas daripada rancangan kerajaan ke arah pemulihan bagi kerajaan untuk melepaskan rangsangan fiskal mereka yang mempunyai kesan pengganda yang tinggi, memandangkan rantaian bekalannya yang besar. Dalam usaha untuk mengekang lingkaran penurunan dalam ekonomi, kerajaan perlu menumpukan kepada penyegeraan projek sedia ada dan memulakan projek baharu. Ini termasuk Transit Aliran Massa (MRT) 3, Sistem Transit Rapid (RTS), Pan Borneo Sabah dan Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR).<br>*3. Chief executive officer Datuk Derek Wong Kit Leong said the group's construction team is now finalising with local vendors and suppliers for the necessary engineering equipment, materials and other supplies for the jobs. The firm was delighted to secure the sizeable contract during the current highly challenging Covid-19 pandemic period, when businesses across the economy had been badly affected.* |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. BPPIB mengambil maklum berkenaan penganugerahan sebahagian projek ECRL kepada kontraktor dan kesan kepada rantaian pembekalan tempatan. |

| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Bursa Malaysia dibuka tinggi**<br><br>Bursa Malaysia dibuka tinggi hari ini menjejaki prestasi semalaman Wall Street yang lebih baik dan keyakinan dalam kalangan pedagang mengenai Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek yang akan dilancarkan pada bulan ini, kata peniaga. Pada 9.06 pagi, petunjuk pasaran FTSE Bursa | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2020/06/695769/bursa-malaysia-dibuka-tinggi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Malaysia KLCI (FBM KLCI) meningkat 8.77 mata kepada 1,516.46 daripada 1,507.69 semasa ditutup pada Selasa. Indeks dibuka tinggi 7.99 mata kepada 1,515.68.<br><br>Dalam pasaran secara menyeluruh, kaunter untung mengatasi kaunter rugi sebanyak 359 berbanding 135, manakala 247 kaunter tidak berubah, 1,127 tidak diniagakan dan 19 yang lain digantung. Jumlah dagangan sebanyak 685.33 juta unit bernilai RM332.06 juta. | |
| 2. | **The Star** | **Malaysia's and asia's equity valuations climb to decade high**<br><br>Asian stocks' valuations hit 10-year highs at end-May, tracking the rally in global shares, as businesses started to reopen across the region after shutting down to curb the spread of the coronavirus and as central banks' boosted stimulus measures.<br><br>The rally in Asian shares was due to factories and businesses starting to reopen after months-long lockdowns in most parts of the region. New Zealand, Australia and Malaysia shares were the most expensive in the region. The sustainability of the price rally, which is based on expectations of a V-shaped recovery, and the corporates are unlikely to start recovering immediately. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/06/03/malaysia039s-and-asia039s-equity-valuations-climb-to-decade-high#cxrecs_s |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | |
| 3. | **The Sun Daily** | **Mega projects revival could be delayed**<br><br>The revival of mega infrastructure projects is expected to be delayed to 2021 due to government's financial constraint, amid the Covid-19 pandemic impact on the federal budget and the ongoing review to reduce project costs.<br><br>The market expectations of the mega project revival, such as the Kuala Lumpur-Singapore High Speed Rail (HSR) and Klang Valley MRT Line 3 (MRT3) projects, have spurred a rebound in construction stock prices over the past few months. | https://www.thesundaily.my/business/mega-projects-revival-could-be-delayed-LH2494418 |
| 4. | **The Edge Markets** | **Global air freight demand dropped 28% y-o-y in April, says IATA**<br><br>Global air freight markets in April showing that demand dropped 27.7% compared to the same period in 2019 as there was still insufficient capacity to meet demand as a result of the loss of belly cargo operations on passenger aircraft. Demand fell by 27.7% in April compared to the previous year (-29.5% for international markets). Global capacity, measured in available cargo tonne kilometers (ACTKs), shrank by 42% in April compared to the previous | https://www.theedgemarkets.com/article/global-air-freight-demand-dropped-28-yoy-april-says-iata |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | year (-40.9% for international markets).<br><br>International air cargo shrank by 75% in April compared to the previous year. The cargo load factor (CLF) rose 11.5 percentage points in April, the largest increase since tracking began. Airlines are deploying as much capacity as possible, including special charter operations and the temporary use of passenger cabins for cargo. | |

Penemuan penting & isu:

1. Bursa Malaysia dibuka tinggi hari ini dengan FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) dibuka tinggi 7.99 mata kepada 1,515.68 daripada 1,507.69 semasa ditutup pada Selasa. Ini disebabkan prestasi semalaman Wall Street yang lebih baik dan keyakinan di kalangan pedagang mengenai Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek yang akan dilancarkan pada bulan ini.
2. Penilaian saham Asia mencecah tertinggi dalam 10 tahun pada akhir bulan Mei di mana perniagaan mula beroperasi semula di rantau tersebut selepas tutup untuk menghentikan penularan coronavirus dan tindakan rangsangan oleh bank pusat.
3. Projek mega infrastruktur dijangka akan ditunda sampai tahun 2021 disebabkan kekangan kewangan kerajaan akibat daripada impak pandemik COVID-19 kepada budget persekutuan dan kajian yang sedang dijalankan untuk mengurangkan kos projek.
4. Permintaan pasaran muatan udara antarabangsa jatuh 27.7% pada bulan April berbanding tahun 2019. Kapasiti antabangsa menyusut 42% pada bulan April berbanding tahun sebelumnya manakala kargo udara antarabangsa menyusut sebanyak 75% pada bulan April berbanding tahun sebelumnya.

Maklumbalas Bahagian:

1. Prestasi pasaran saham Malaysia dan juga rantau Asia akan dilihat kesannya dalam penyusunan statistik Akaun Kewangan. Pada suku tahun pertama 2020, Akaun Kewangan telah merekodkan aliran keluar bersih sebanyak RM13.3 bilion.
2. Penundaan projek mega sehingga 2021 akan mempengaruhi penyusunan statistik Imbangan Pembayaran terutamanya dalam sektor Pembinaan. Pada suku tahun pertama 2020, eksport perkhidmatan pembinaan merekodkan RM637 juta dan import pada RM870 juta. Ia juga akan

memberi kesan kepada penyusunan Statistik *Affiliate* Asing di Malaysia (Inward FATS).

3. Kejatuhan dalam permintaan pasaran muatan udara antarabangsa bakal dilihat kesannya dalam komponen Pengangkutan. Pada suku tahun pertama 2020, eksport pengangkutan mencatatkan RM4.3 bilion manakala import pula ialah RM11.1 bilion.

| **F.** | **Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>2 Jun 2020 | **Kerajaan sedia peruntukan tambahan BPN RM1.5 bilion**<br><br>Kerajaan mengumumkan peruntukan tambahan RM1.5 bilion bagi bayaran Bantuan Prihatin Nasional (BPN) menjadikan angka keseluruhannya RM11.5 bilion membabitkan kira-kira 10.77 juta penerima.<br><br>Penerima BPN dipecahkan kepada tiga kumpulan, sehingga 31 Mei, bagi Fasa Pertama, seramai 7.93 juta penerima sudah menerima bayaran berjumlah RM5.56 bilion. Bagi Fasa Kedua pula, seramai 7.90 juta penerima sudah menerima bayaran berjumlah RM3.55 bilion.<br><br>Fasa ketiga pula adalah mereka yang telah membuat rayuan antara 11 hingga 31 Mei baru-baru ini. Sebanyak 170,000 rayuan diterima dan akan disemak secara manual. Keputusan akan diumumkan pada pertengahan bulan Jun dan bayaran sekali gus bermula pada akhir Jun. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/695513/kerajaan-sedia-peruntukan-tambahan-bpn-rm15-bilion |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **Berita Harian**<br>2 Jun 2020 | **MMU pertimbang kurangkan yuran pelajar**<br><br>Universiti Multimedia (MMU) mempertimbangkan langkah untuk mengurangkan dua yuran pengajian semester, iaitu yuran aktiviti dan yuran sumber pelajarnya.<br><br>Inisiatif itu diambil memandangkan pelajar kurang menjalani aktiviti di kampus dalam tempoh beberapa bulan disebabkan penularan virus COVID-19.<br><br>Isu yuran bagi pelajar universiti yang terkesan akibat COVID-19 sememangnya wajar diberi perhatian bagi meringankan beban mereka semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).<br><br>Selain pengurangan yuran sumber dan yuran aktiviti pelajar, MMU melalui Yayasan Universiti Multimedia (YUM) turut membantu kebajikan pelajar untuk menghadapi tempoh PKP.<br><br>Antaranya ialah bantuan kewangan untuk pelajar keluarga B40 (golongan berpendapatan 40 peratus terendah), sumbangan makanan harian dan zakat kepada pelajar daripada keluarga dalam kategori asnaf. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/695719/mmu-pertimbang-kurangkan-yuran-pelajar |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Bernama**<br>2 June 2020 | **Loan growth moderates as moratorium kicks in**<br><br>As household income is affected by the COVID-19 pandemic, loan growth has taken a toll, as the moratorium kicks in.<br><br>As of April this year, the banking sector loan growth remained at 4.0 per cent year-on-year (yoy) with lower retail and loan applications.<br><br>Applications for loans for the purchase of passenger cars, residential properties, personal loans and credit card slumped significantly while cumulatively, the four-month year-to-date loan applications contracted by 11.4 per cent yoy.<br><br>However, as businesses are now in the phase of recovery, business loan growth has grown at a faster pace of 3.5 per cent year-on-year (yoy) to RM792.2 billion, driven by higher expansion of working capital loans of 4.9 per cent yoy to RM405.0 billion.<br><br>Despite the current contraction, research houses are optimistic of upbeat future performance after the pandemic economic impact has subsided and has remained neutral on the stock performance. | https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=1847065 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **The Edge**<br>2 June 2020 | **Mercedes-Benz Malaysia cautiously optimistic of achieving 'good sales volume' amid Covid-19 pandemic**<br><br>Mercedes-Benz Malaysia Sdn Bhd, which hit record sales in 2018, is cautiously optimistic of achieving "good sales volume" for the second half of this year, as the luxury carmaker expects positive sentiment to return in the third quarter amid the gradual reopening of Malaysia's economy.<br><br>Yesterday, Mercedes-Benz Malaysia made history when it launched three new models completely online via YouTube and Facebook, due to the Conditional Movement Control Order (CMCO), which prohibits public gatherings.<br><br>MAA has held discussions with automotive players on ways to support the auto industry during these challenging times, including on the issue of the moratorium for hire purchase financing. | https://www.theedgemarkets.com/article/mercedesbenz-malaysia-cautiously-optimistic-achieving-good-sales-volume-amid-covid19 |

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan mengumumkan peruntukan tambahan RM1.5 bilion bagi bayaran Bantuan Prihatin Nasional (BPN) secara keseluruhannya RM11.5 bilion yang merangkumi 10.77 juta penerima. Penerima BPN dipecahkan kepada tiga kumpulan, sehingga 31 Mei, bagi Fasa Pertama, seramai 7.93 juta telah menerima bayaran berjumlah RM5.56 bilion. Manakala Fasa Kedua, seramai 7.90 juta telah menerima bayaran berjumlah RM3.55 bilion. Bagi Fasa Ketiga antara 11 hingga 31 Mei sebanyak 170,000 rayuan diterima dan akan disemak secara manual.
2. Universiti Multimedia (MMU) mempertimbangkan langkah untuk mengurangkan dua yuran pengajian semester, iaitu yuran aktiviti dan yuran

sumber pelajarnya. Inisiatif itu diambil memandangkan pelajar kurang menjalani aktiviti di kampus dalam tempoh beberapa bulan disebabkan penularan virus COVID-19. Isu yuran bagi pelajar universiti yang terkesan akibat COVID-19 sememangnya wajar diberi perhatian bagi meringankan beban mereka semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

3. Permohonan pinjaman untuk pembelian kenderaan penumpang, hartanah kediaman, pinjaman peribadi dan kad kredit merosot dengan ketara. Secara kumulatif, permohonan pinjaman selama empat bulan dari tahun ke tahun menguncup sebanyak 11.4 peratus tahun ke tahun (YoY). Namun, ketika perniagaan kini dalam fasa pemulihan, pertumbuhan pinjaman perniagaan telah berkembang pada kadar positif 3.5 peratus YoY kepada RM792.2 bilion, didorong oleh pinjaman modal kerja yang berkembang 4.9 peratus kepada RM405.0 bilion.
